

UTeM, NAMA BARU KUTKM UNTUK LEBIH KOMPETITIF

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 01/02/2007 | Author: / BD BD KHY

MELAKA, 1 Feb (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dikenali sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkuatkuasa hari ini.

Naib Canselor UTeM Datuk Profesor Ismail Hassan berkata UTeM akan menjadi lebih kompetitif dan bakal bersaing dengan lebih teguh bagi memperkuatkan peranannya sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lebih dinamik dan berwibawa.

"Penjenamaan semula KUTKM kepada UTeM merupakan titik permulaan ke arah pewujudan universiti teknikal yang mampu menarik minat masyarakat," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Kerajaan telah menjenamakan semula enam kolej universiti awam termasuk KUTKM.

Ismail berkata persepsi umum sebelum ini bahawa KUTKM adalah universiti kelas kedua akan dapat disingkirkan dengan penjenamaan semula itu.

UTeM adalah IPTA yang mengadaptasikan pengajaran dan pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan, katanya.

UTeM kini mempunyai seramai 1,141 orang staf dan pelajar berjumlah 5,336 orang terdiri daripada pelajar peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Bagi kemasukan sesi 2007/2008, UTeM akan menawarkan dua kursus baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan).

Tambahan dua kursus baru itu, menjadikan 22 program kursus peringkat ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh UTeM.

-- BERNAMA

BD BD KHY